

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI  
(BATU PAHAT)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 03.11.2016**

**Y.B. DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI [ BATU PAHAT ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk menghapuskan GST, memandangkan pengenalan GST harga barang tidak turun seperti yang dijanjikan Menteri, bahkan kenaikan harga barang berterusan seperti tidak terkawal. Sila berikan langkah-langkah luar biasa untuk menurunkan harga barang, memandangkan langkah-langkah yang sedia ada tidak berkesan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang

untuk menghapuskan GST yang telah dilaksanakan mulai 1 April 2015. Ini adalah kerana pelaksanaan GST adalah bertujuan untuk menyusun semula sistem cukai kepenggunaan negara supaya menjadi lebih telus, efisien dan mesra peniaga. Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) sentiasa memberi perhatian ke atas isu kenaikan harga barang. Perubahan harga barangan dan perkhidmatan bukanlah disebabkan oleh pelaksanaan GST semata-mata. Pelbagai faktor lain mempengaruhi perubahan harga barangan dan perkhidmatan di pasaran seperti faktor permintaan dan penawaran (*demand and supply*), faktor cuaca, ekonomi global, persaingan, kadar tukaran wang asing, kadar upah dan sebagainya. Pelbagai langkah kawalan harga serta inisiatif bagi menyediakan barangan keperluan yang lebih murah untuk dinikmati pengguna umum telah dilaksanakan. Antara langkah yang telah dan akan terus dilaksanakan adalah:

- i. menguatkuasakan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993;
- ii. melaksanakan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan;
- iii. meneruskan Kempen Penurunan Harga;
- iv. membuka Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) dan Kedai Kain

Rakyat 1Malaysia (KKR1M);

- v. mengadakan program Kedai Harga Patut; dan
- vi. menyeragamkan harga barang-barang keperluan pengguna melalui Program Penyeragaman Harga dan Mobile KR1M.

Di samping kehadiran pegawai penguatkuasa KPDNKK untuk melaksanakan penguatkuasaan ke atas perniagaan di seluruh negara, KPDNKK juga turut memperkukuhkan pemantuan harga dengan mengadakan kerjasama bersama pelbagai pihak, antara lain:

- i. Pegawai Pemantau Harga yang menjalankan pemantauan harga barangan keperluan asas di seluruh negara di bawah KPDNKK;
- ii. *Friends of KPDNKK* yang merupakan mata dan telinga KPDNKK; dan
- iii. Kerajaan Negeri dan Agensi Kerajaan lain serta penglibatan penghulu dan penggawa dalam membantu memantau dan menyalurkan maklumat kenaikan harga barangan dan caj perkhidmatan di premis perniagaan kepada KPDNKK.

Selain daripada itu, KPDNKK telah menyediakan pelbagai medium penyaluran aduan serta membangunkan **aplikasi Ez-ADU** bagi memudahkan rakyat mengemukakan aduan berkaitan isu harga. KPDNKK turut mewujudkan **Skuad Tindakan Aduan Rakyat (STAR)**

dan ***Special Action Squad (SAS)*** dalam usaha untuk menangani aduan rakyat dengan lebih berkesan.

Kerajaan berharap melalui inisiatif-inisiatif yang telah dinyatakan ini akan dapat menangani isu harga barangan dengan baik bagi mempertingkatkan kesejahteraan rakyat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [ GERIK ]**

**TARIKH : 03 NOVEMBER 2016 [ KHAMIS ]**

**SOALAN : 43**

**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengurangkan kadar saman bagi kesalahan jalan raya setelah mata demerit turut dikenakan kepada pesalah jalan raya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, Kementerian Pengangkutan tidak berhasrat untuk mengurangkan kadar saman sedia ada. Ini bertentangan dengan hasrat kerajaan untuk meningkat tahap keselamatan di jalan raya dan juga memberi kesedaran kepada orang awam untuk tidak melakukan dan mengulangi kesalahan jalan raya. Walau bagaimanapun, kerajaan memberi peluang kepada pesalah jalanraya dengan kompaun yang lebih rendah sekiranya dibayar dalam tempoh 1 hingga 15 hari pada peringkat pertama kadar kompaun, 16 hingga 30 hari pada peringkat kedua dan 31 hingga 60 hari pada peringkat maksimum untuk kesalahan-kesalahan tertentu.